



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

### MAJLIS PERUNDINGAN PERTUBUHAN ISLAM MALAYSIA (MAPIM) YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

---

## MAJLIS PELANCARAN DAN PELEPASAN (*FLAG-OFF*) JELAJAH PEDULI UMMAH: SEJAHTERA INSAN AL-FALAH

*MAPIM Malaysia Anjur Jelajah Peduli Ummah Untuk Santuni Masyarakat Memerlukan di  
Seluruh Negara Dengan Jalinan Kerjasama Inter Agensi*

1. Program Jelajah Peduli Ummah anjuran MAPIM Malaysia yang dilancarkan hari ini merupakan inisiatif besar, melibatkan gabungan kerjasama pelbagai agensi iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Zus Coffee.
2. Pelancaran majlis yang disempurnakan oleh **YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)** ini, akan memulakan jelajah pada bulan Oktober 2024 hingga bulan Februari 2025, yang melibatkan beberapa buah negeri termasuk **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan**. Pelapasan jelajah juga turut disertai oleh Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimie (Ketua Pengarah JAKIM), Dr. Ridzwan Bakar (CEO YWM), Dr. Sani Araby Dato' Abdul Alim Araby (CEO MAPIM Malaysia), Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail (Pengarah JAWI), Stephy Foong (Vice President of Growth & Marketing ZUS Coffee) dan Saudara Faizal Tahir.
3. YB Senator di dalam ucapannya turut menyatakan, program ini adalah simbolik kepada solidariti rakyat Malaysia dan selaras dengan semangat "**Sejahtera Insan Al-Falah**" yang mencerminkan kebajikan dan kesejahteraan untuk semua lapisan masyarakat, tanpa mengira kaum dan agama, dengan matlamat utama adalah untuk menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf, B40, para pelajar, anak-anak yatim, orang tua, orang asli, serta mangsa banjir dan pelbagai lagi segmen masyarakat yang berada di bawah paras kemiskinan dan memerlukan perhatian khusus.
4. Sepanjang program jelajah ini terdapat beberapa pengisian utama yang akan dilaksanakan iaitu:

- (a) **Misi Ummah Bantu Ummah** – membantu golongan yang paling memerlukan melalui bantuan makanan, pakaian, serta keperluan asas lain.
  - (b) **Karnival Peduli Ummah: Sejahtera Insan dengan Nilai Al-Falah** – aktiviti yang akan menggabungkan elemen pendidikan, sosial, dan keagamaan untuk menyemarakkan semangat kepedulian dalam masyarakat.
  - (c) **Majlis Selawat & Solat Hajat** – bertujuan memohon perlindungan dan keberkatan daripada Allah SWT bagi seluruh rakyat Malaysia.
  - (d) **Ziarah Mu'saadah Dakwah & Jiwa Murni Al-Falah** – ziarah ke kawasan-kawasan pedalaman dan komuniti terpinggir untuk mendekati mereka secara langsung.
  - (e) **Misi Bantu Asnaf & Anak Yatim** – program khusus untuk membantu golongan asnaf dan anak-anak yatim, memberikan mereka harapan dan peluang untuk masa depan yang lebih baik.
5. Ketua Eksekutif MAPIM Malaysia, Pesuruhjaya Kehormat (PA) (Dr.) Sani Araby Al Kahery, menjelaskan bahawa MAPIM akan mengutamakan usaha untuk menyantuni masyarakat dalam negara, memberi fokus kepada golongan yang perlu diberi sokongan dan perhatian oleh semua pihak. Namun, ini tidak bermakna bantuan dan sokongan kepada saudara-saudara di Gaza dan di luar negara seperti Lebanon dan Syria akan dikurangkan. Tambahnya juga, "Usaha kita dalam negara adalah keutamaan, namun bantuan kepada saudara kita di Gaza dan negara-negara lain yang memerlukan tetap akan diteruskan. Usaha kerdil ini memerlukan gandingan kita semua agar semangat Malaysia menjadi formula kejayaan dalam hal kemanusiaan."
6. Program ini selari dengan penganjuran Bulan Siaga Bencana sebagai persediaan menghadapi bencana alam seperti banjir kilat, ribut, tanah runtuh dan pelbagai lagi sepanjang musim monsun yang akan tiba. **MAPIM Malaysia akan menggerakkan lebih 20 aset bantuan kecemasan yang terdiri daripada kenderaan bantuan 4x4, peralatan logistik seperti bot, *mobile clinic*, *mobile kitchen*, alatan membersih rumah dan sukarelawan terlatih.**
7. Selain aset bantuan bencana digerakkan, **MAPIM Malaysia turut akan menyediakan kotak-kotak bantuan yang merangkumi bekalan makanan, pakaian, ubat-ubatan, serta keperluan asas lain** yang akan diberikan kepada mangsa bencana di seluruh negara. Jelajah ini mensasarkan hampir **100,000 orang penerima manfaat yang akan mendapat bantuan sewajarnya** di seluruh negara tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.
8. Terdahulu, YB Senator turut melawat aset-aset bantuan kecemasan MAPIM Malaysia yang akan digunakan dalam misi jelajah ini.

- TAMAT -

**Nota:**

Dalam usaha membawa wakaf Malaysia ke peringkat antarabangsa, pada 8 Februari 2024, Yayasan Waqaf Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan MAPIM dalam melaksanakan aktiviti kebajikan dan kemanusiaan, yang akan membantu memperluas skop pengagihan YWM di dalam dan luar negara.

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
- 2. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media, Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011- 33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**